

01/02/2003

Amerika Syarikat serang Iraq untuk lumpuhkan Opec

Pencinta Keamanan

DUNIA bagaikan di ambang Perang Dunia Ketiga apabila ada negara seperti Amerika Syarikat yang menganggap diri lebih berkuasa daripada orang lain.

Dengan kekuatan yang ada, terutama dari segi ketenteraan Amerika mahu menegaskan kepada dunia jangan siapa yang berani mencabar atau menahan kemahuannya.

Keangkuhan Presiden George W Bush terserlah apabila bersungguh-sungguh mahu menyerang Iraq walaupun hasratnya ditentang dan ditolak oleh banyak pihak, termasuk rakyat Amerika sendiri.

Namun, pandangan orang lain langsung tidak mahu didengar oleh Bush yang tetap dengan pendirian untuk menyerang Iraq pada bila-bila masa saja.

Dengan berselindung di sebalik slogan menentang keganasan, Amerika sebenarnya takut dengan bayang-bayang sendiri. Washington akan melakukan apa saja bagi mengurang atau menghilangkan ketakutannya, termasuk ancaman pihak yang mempunyai kuasa atau senjata untuk menentangnya.

Dengan itu, Bush mendakwa ada negara yang melindungi penganas dan menjadi paksi keganasan serta perlu diserang.

Oleh itu, Bush begitu beriya-iyanya untuk menyerang Iraq dengan alasan negara itu tidak memusnahkan senjata pemusnahnya serta menekankan ancaman buruk jika senjata itu diserahkan kepada penganas.

Malah Bush dengan angkuhnya menyatakan Amerika mempunyai bukti baru kaitan di antara Iraq dan al-Qaeda.

Namun, hingga kini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Iraq memiliki senjata kimia, biologi dan nuklear seperti dakwaan Amerika. Malah jelas sekali Bush ingin menjajah Iraq. Ini dibuktikan lagi dengan majalah Newsweek terbaru, yang melaporkan serangan ke atas Iraq pasti akan menghancurkan Pertubuhan Negara-negara Pengeluar dan Pengeksport Minyak (Opec).

Jika Iraq tidak tunduk kepada penetapan harga minyak oleh Opec, maka negara pengeluar utama minyak iaitu Russia dan Norway tidak akan tunduk kepada penetapan harga.

Jika harga minyak terus rendah dalam tempoh yang panjang, tekanan untuk pembaharuan pasti akan meningkat.

Jika harga minyak AS\$10 (RM38) satu tong, kerajaan Arab Saudi bakal hidup dalam buangan.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Amerika sebenarnya mahu melumpuhkan Opec, menguasai negara Islam di dunia Arab dan mengubah rejim seluruh negara Islam dengan menjadikan Iraq sebagai alasan mereka.

Malah teori itu juga terbukti apabila negara komunis tumbang selepas negara terbabit mencapai kestabilan dalam politik.

Oleh itu, saya sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan bangga dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kelantangan beliau dalam menangani masalah di antara Iraq dan Amerika.

Perdana Menteri dengan tegas menyatakan bahawa Amerika tidak sepatutnya menyerang Iraq kerana tiada alasan berbuat demikian.

Kita harus menyedarkan Amerika bahawa mereka kini mula terasing daripada masyarakat antarabangsa dan keadaannya lebih buruk berbanding sewaktu perang Vietnam kerana kedegilannya mahu terus menyerang Iraq.

Kita lihat tidak ada negara lain yang benar-benar menyokong tindakan Amerika kali ini kecuali Britain dan Australia.

Masyarakat dunia perlu bangkit menyatakan pendirian mereka bahawa tindakan Amerika tidak bertamadun, seperti kata Dr Mahathir dunia sekarang

seolah-oleh berada pada zaman batu.

Jika negara seperti Malaysia berani menyatakan pendirian tegasnya terhadap perkara ini, mengapa tidak negara lain terutama negara maju dan besar.

Kita sepatutnya menjadikan dunia ini tempat yang selamat untuk dihuni bukan saja untuk generasi kini, malah masa akan datang.

Jangan biarkan dunia ini menjadi medan tempat orang yang mempunyai kuasa dan inginkan kuasa terus menjadikan penghuninya berada dalam ketakutan.

Biarlah dunia ini menjadi tempat paling selamat dan aman untuk dihuni selama-lamanya.

PENCINTA KEAMANAN,

Kuala Lumpur.